

DINAMIKA MALAYSIA

OBJEKTIF PEMBELAJARAN

- Memahami konsep-konsep asas sosiologi, sejarah dan sains politik.
- Boleh mengaplikasi konsep-konsep tersebut dalam kehidupan realiti di Malaysia.
- Menganalisis perkembangan masyarakat dan negara Malaysia.

Konsep-konsep asas ilmu sains sosial

Pengenalan

Konsep asas ilmu sains sosial menjadi asas kepada ilmu Dinamika Malaysia yang meliputi bidang sejarah, sosiologi, sains politik dan hubungan antarabangsa.

Bertujuan untuk memahami perkembangan negara Malaysia dari pelbagai perspektif ilmu dari aspek manusia, budaya dan peradaban selaras dengan Malaysia sebuah negara pelbagai etnik yang sentiasa melaksanakan kehidupan harmoni untuk perpaduan sejati.

PARADIGMA MEMAHAMI DINAMIKA MALAYSIA

SEJARAH

Kepentingan sejarah

- **Sebagai rujukan dalam pembinaan negara bangsa**
- **Instrumen penting untuk membina jatidiri**
- **Melahirkan semangat patriotisme dan nasionalisme**
- **Memberi panduan dan pengajaran untuk bertindak dan merancang masa depan**

Definisi Sejarah

Ada dua aliran:

- Aliran Objektif

Sejarah adalah peristiwa yang berlaku pada masa lampau.

- Aliran Subjektif

Sejarah sebagai satu kajian atau penyelidikan tentang kisah yang berlaku pada masa lampau. Ini bermakna sejarah perlukan penyelidikan untuk menjadi signifikan pada masyarakat.

E.H.Carr

- “Sejarah adalah satu proses kesinambungan antara masa lalu dan masa kini”.

Ibn Khaldun

- Untuk hasilkan suatu penulisan sejarah yang ilmiah dan mantap memerlukan perkara berikut:
 - i. Pengetahuan yang komprehensif tentang keadaan semasa dalam semua aspek.
 - ii. Berupaya membandingkan antara persamaan dan perbezaan antara masa lalu dengan masa kini.
 - iii. Memeriksa berita yang disampaikan dengan prinsip dan dasar untuk menentukan kebenarannya.
 - iv. Historiografi mempunyai nilai yang tinggi disertai sarjana-sarjana muslim awal.

Ilmu sejarah agak kompleks dan mencabar. Ia memerlukan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman. Ilmu sejarah memberi pengajaran, menajamkan fikiran, bersifat kritis, lahirkan keperibadian kebangsaan, berusaha mencari kebenaran dan merupakan cermin kehidupan sesebuah masyarakat (Kassim, 2002)

SAINS POLITIK

Sains Politik

- ialah cabang ilmu mengkaji tentang negara dan kenegaraan serta sistem politik sesebuah negara.

Politik

- H.S. Laswell - “politik ialah siapa mendapat apa, bila dan bagaimana”.
- Aristotle – “politik sebagai suatu perjuangan suci dalam kalangan manusia untuk menyempurnakan kehidupan manusia”.
- Islam – politik ialah kuasa sebagai amanah dan tanggungjawab yang perlu digalas sebaiknya.

Tiga perkara penting dalam politik

- 1. Ideologi politik.**
- 2. Persaingan antara pemimpin atau parti politik.**
- 3. Kuasa.**

Peranan parti politik

- i. menyatukan dan menstabilkan proses politik.
- ii. Berusaha dapatkan kuasa melalui mandat dari rakyat
- iii. Menghubungkan antara kerajaan dengan rakyat
- iv. Melatih barisan muda dalam kepimpinan politik
- v. Memberikan bantuan, matlamat, nilai, ideologi dan falsafah
- vi. Menjuarai isu-isu yang berkaitan dengan kepentingan rakyat
- vii. Berperanan sebagai agen pembangunan negara
- viii. Membuat kerja-kerja kebajikan masyarakat

Aliran Ideologi Politik Dunia

- 1. Nasionalisme**
- 2. Politik Islam**
- 3. Komunisme**
- 4. Sosialisme**
- 5. Zionisme**

HUBUNGAN ANTARABANGSA

- Penting untuk menjalin hubungan kerjasama yang bersifat global dari segi pendidikan, pelancongan, perniagaan, kesihatan dan sebagainya.
- Hubungan diplomatik perlu untuk kesetabilan negara.
- Dasar luar dibentuk untuk kepentingan keselmatan dan kedaulatan negara.
- Tengku Abdul Rahman membnetuk dasar luar seperti:
 1. Kerjasama serantau.
 2. Kerjasama dengan organisasi antarabangs.a
 3. Melibatkan Malaysia dengan isu-isu terpilih dalam hubungan antarabangsa.

Sosiologi

- Antropologi dan sosiologi merupakan bidang sains sosial yang popular.
- **Antropologi** ialah kajian tentang manusia.
- **Sosologi** ialah tentang masyarakat manusia. Sosiologi menumpukan pada aspek stratifikasi sosial, kelas sosial, budaya, masyarakat, agama, masalah sosial dan devian (spt jenayah,diskriminasi dll), perubahan sosial (peradaban, sekularisme dan modernisasi).
- Antara tokoh bidang sosiologi – Ibn Khaldun, Auguste Comte, Herbert Spencer dan Emile Durkheim.

KONSEP-KONSEP ASAS

1. Dinamika

- ialah proses atau sistem yang bercirikan perubahan, aktiviti atau kejayaan. Ia melahirkan dinamika sosial, dinamika kumpulan, dinamika masyarakat dan dinamika ekonomi yang berlaku secara berterusan.
- Contohnya masyarakat mengalami perubahan dari primitif berkembang kepada pertanian dan seterusnya industri.

2. Masyarakat

1. Lucy Mair (1965)

- “Masyarakat adalah satu gagasan yang terdiri daripada manusia yang saling berhubung secara kolektif dengan mempunyai hak dan tanggungjawab yang saling mengiktiraf”.

2. Ralph Linton (1936)

- “Kelompok manusia yang telah cukup lama hidup bersama dan saling bekerjasama sehingga dapat mengorganisasikan diri dan meletakkan diri mereka sebagai kesatuan sosial yang mempunyai batas-batas tertentu”.

Ciri-ciri Masyarakat

1. Manusia yang hidup dalam satu kelompok
2. Masyarakat Melahirkan Kebudayaan
3. Masyarakat mengalami perubahan
4. Anggota Masyarakat itu Berinteraksi
5. Dalam Masyarakat terdapat Kepimpinan
6. Stratifikasi Sosial (susun lapis Sosial)
7. Sistem Sosial

1. Manusia hidup dalam satu kelompok

- Saling mengenali
- Saling bergantungan
- Kelompok-: Keluarga, jiran, kumpulan pekerja, golongan remaja, kampung, negeri dan negara

Pra-syarat untuk membina kelompok sosial:-

- a. Individu sedar ia adalah sebahagian anggota kelompok ---- > menjadi main peranan sebagai anggota kelompok
- b. Ada hubungan timbal balik ----- > wujudlah kerjasama
- c. Faktor milik bersama seperti:- Kekeluargaan , sebangsa, senegara, sewilayah, ideologi. kuatkan ikatan kelompok
- d. Bagaimana anggota kelompok mengendalikan kelompok mereka agar menjadi dinamik dan berkembang.

2. Masyarakat Melahirkan Kebudayaan

- Kebudayaan adalah dihasilkan oleh manusia untuk memenuhi keperluan asasi mereka.

3. Masyarakat mengalami perubahan

- Meliputi : Keahlian, ekonomi, politik, sosial, berlaku secara sedar / tidak sedar, langsung/tidak disebabkan faktor dalaman / luaran, cepat / lambat.

4. Anggota masyarakat itu berhubungan

- Masyarakat sentiasa berhubung secara formal atau tidak dalam bentuk bersemuka atau dua hala.

- 5. Dalam Masyarakat terdapat Kepimpinan
Dalam masyarakat ada kepimpinan : Keluarga, ketua kampung, komuniti, daerah, negara
- Kepimpinan dalam masyarakat dibahagi kepada bidang-bidang:- Keluarga, politik, pentadbiran, keagamaan
- 6. Stratifikasi sosial

Terbahagi kepada tiga bahagian:

1. Kelas (pemilikan harta kekayaan),
2. Status (Peranan),
3. Kasta (kelahiran).

Kelas dan Status

- Mempunyai kaitan – Individu kelas atsan boleh mendapat status tinggi apabila diberi peluang jawatan penting dalam masyarakat (dermawan).
- Ada mobiliti Sosial

Pembahagian stratifikasi Sosial Dalam Masyarakat

I – Golongan atasan (pemerintahan)

II – Golongan Pertengahan (penjalanan tugas pemerintahan)

III – Golongan Bawahan (diperintah)

● 7. Sistem Sosial

- Norazit (1989) – menafsirkan sistem sosial adalah susunan bahagian yang saling berkaitan dan memerlukan dan membentuk satu kesatuan.
- Seperti:- Keluarga dan kekeluargaan, sistem ekonomi (pertanian, perindustrian dll), pendidikan, kesenian, agama dan kepercayaan dan kepimpinan, undang-undang dan politik.
- Setiap sistem adalah berkaitan dan mempunyai fungsi masing-masing. Jika satu bahagian berubah ia akan mempengaruhi bahagian yang lain.

3. Kebudayaan

1. Edward B. Taylor

“Kebudayaan merupakan satu keseluruhan yang kompleks yang mengandungi di antaranya pengetahuan, kepercayaan, kesenian, tatasusila, undang-undang, moral, adat resam dan lain-lain kebolehan serta kebiasaan yang diperolehi oleh manusia sebagai ahli sesebuah masyarakat”.

A.L Kroeber dan Clyde Kluckhohn (1952)

- “Kebudayaan terdiri dari pola-pola tingkah laku yang eksplisit dan implisit yang diperolehi dan disampaikan melalui simbol-simbol, ters kebudayaan terdiri dari idea-idea yang bercorak tradisi, terutamanya sekali nilai-nilai yang terikat dengannya”.

Ciri – Ciri Kebudayaan

1. Dipelajari

- Setiap perkara perlu dipelajari – tidak secara automatik kecuali perkara semulajadi.
- Proses mempelajari melibatkan proses difusi, akulturas, adaptasi, asimilasi dan integrasi
- Agen pembelajaran spt keluarga. Jiran, institusi dan persekitaran.

2. Dikongsi

- Setiap perlakuan yang diamal harus dilakukan, disokong diiktiraf dan dirasai milik bersama oleh semua anggota masyarakat.

3. Diwarisi

- Diwarisi dari yang terdahulu
- Berlaku secara berterusan
- Berberbeza mengikut zaman kerana berlaku pengubahsuaian.

4. Berubah

- Sentiasa berubah dari segi bentuk, ciri, dan proses
- Sebab perubahan
 - Pertambahan anggota masyarakat
 - Pertambahan keperluan manusia
 - Penemuan dan ciptaan teknologi baru
 - Konflik dalam masyarakat
 - Perubahan alam sekitar

5. Sejagat

- Bersifat sezajat – Kebudayaan itu wujud dalam semua kelompok / masyarakat tetapi ia berbeza disebabkan oleh faktor alam semulajadi, tahap penyesuaian dan penyerapan pengaruh luar.
- 7 unsur yang terdapat dalam semua kebudayaan iaitu:
 - Peralatan dan kelengkapan hidup manusia
 - Mata pencarian hidup dan sistem ekonomi
 - Sistem sosial atau kemasyarakatan
 - Bahasa
 - Kesenian
 - Sistem Pengetahuan
 - Agama dan Kepercayaan

6. Simbolik

- Kebudayaan itu simbolik – tidak dapat dilihat dengan mata kasar
- Simbolik dalam kebudayaan boleh difahami oleh pendokong dan dijelmakan dengan tingkah laku
- Mempunyai erti disebaliknya cont. Keris dalam masyarakat Melayu.

7. Sistem perlambangan

- terbahagi dua iaitu lambang yang perlu dihormati dan isyarat yang perlu dipatuhi
- Bersifat arbitrari yang mempunyai makna mengikut kelompok masyarakat. Cont. Jalur Gemilang yang signifikan pada masyarakat Malaysia.

7. Berpola dan berstruktur

- Mempunyai corak dan strukturnya tersendiri
- Dalam masyarakat terdapat berbagai struktur seperti sistem kekeluargaan, pemerintahan, perundangan dan sebagainya.

9. Pandangan Dunia (World View)

- Manusia tidak dapat dipisahkan dengan alam semulajadi oleh itu ia mendorong untuk mentafsir alam sekeliling ke dalam kehidupan mereka

Cont. Ukuran dalam

- Jarak
- Masa
- Usaha
- Sifat

4.Ras

- Ras merujuk kepada sekumpulan manusia yang memiliki ciri fizikal (warna kulit, rambut, mata, bentuk kepala, paras wajah dan kumpulan darah) yang diwarisi secara genetik
- Ada tiga ras domain iaitu Cuacasian (kulit putih), Negrito (kulit hitam) dan mongoloid (kulit kuning).

5. Etnik

- Merujuk kepada kelompok manusia yang mempunyai persamaan dari segi budaya seperti agama, ras dan usulnya.
- Berkongsi adat, bahasa, pakaian, makanan dan hubungan sosial.

6. Etnisiti

- Merujuk kepada gabungan pelbagai sifat kumpulan etnik.
- Merangkumi perkongsian kepercayaan, norma, nilai, keutamaan di dalam kelompok, ketaatan dan menyenangi kelompoknya sendiri.

7. Etnosentrisme

- Satu tanggapan bahawa kelompok etnik mereka yang erbaik dari kelompok lain.
- Merasakan mereka lebih unggul.
- Gagal untuk menerima pandangan atau budaya orang lain.

8.Jarak Sosial

- Jarak sosial ialah pengasingan secara fizikal atau emosi antara individu yang mempunyi perbezaan tanggapan.
- Wujud akibat sikap negatif terhadap kelompok lain kerana ketiadaan interaksi, perbezaan tempat tinggal, pekerjaan, bahasa, agama adat resam dan perbezaan etnik.

9. Integrasi

Integrasi ialah penyatuan antara kelompok yang berbeza tetapi hidup di bawah satu sistem pemerintahan yang sama.

10. Akomodasi

Satu proses kerjasama dua atau lebih pihak yang berbesza matlamat untuk membentuk satu matlamat yang boleh memuaskan hati kedua belah pihak. Contoh Bahasa Malaysia diiktiraf sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa lain tidak dihalang untuk digunakan.

11. Asimilasi

Satu proses penggabungan kebudayaan yang berbeza untuk membentuk satu identiti yang sama. Ia boleh berlaku apabila kelompok minoriti menerima budaya kelompok majoriti dan sebaliknya.

12. Akulturasi

- Proses penerimaan unsur budaya dari satu kelompok kepada kelompok lain.

13. Diskriminasi

- Merupakan sikap pilih kasih sesbuah kelompok terhadap kelompok lain disebabkan perbezaan ras atau etnik.

14. Prasangka

Merupakan kesimpulan yang dibuat berdasarkan perasan dalaman individu atau kelompok kepada individu atau kelompok lain yang tiak berdasarkan bukti yang betul.

15. stereotaip

- Satu fahaman sesebuah kelompok dengan mengeneralisasikan kelompok lain berdasarkan sikap, perbuatan serta fahaman seseorang individu daripada kelompok tersebut.

16. Imperialisme

- Suatu dasar luar sesebuah negara lain melalui ketenteraan dan ideologi dengan hasrat dengan tujuan strategi, ekonomi, agama dan sebagainya.

17. Negara Bangsa

- Karl W. Deutsch (1974) – “satu jentera yang tersusun untuk membuat dan menjalankan keputusan politik untuk melaksanakan undang-undang dan peraturan sesebuah kerajaan”.
- Lima ciri layak dipanggil negara iaitu 1.penduduk, 2.wilayah, 3.kerajaan, 4. perlombagaan dan 5.kedaulatan.

18. Kerajaan

- Satu institusi negara yang fungsinya merancang masa depan, mencapai dasarnya dan bertanggungjawab ke atas kesejahteraan rakyat.
- Institusi yang mentadbir negara (syed Ahmad Hussein,1994).
- Pada maa lalu kerajaan dirijuk kepada “negara” atau “empayar”

19. Negara Persekutuan

- Ialah negara yang mempubyai kerajaan-kerajaan negeri yang lebih kecil dan bergabung dalam sebuah negara yang lebih besar.
- Mempunyai kuasa pusat dan kuasa negeri.

20. Negara Kesatuan

- Negara kesatuan atau unitari ialah sebuah negara yang semua kuasa kerajaan terletak kepada kerajaan pusat.

21. Federalisme

- Federalisme ialah sistem kerajaan di mana wilayah yang sama dikawal oleh dua peringkat kerajaan iaitu pusat dan negeri.
- Kerajaan pusat bertanggung jawab terhadap pentadbiran persekutuan yang mentadbir isu-isu seluruh negara.
- Kerajaan negeri mentadbir isu tempatan.

22. Demokrasi

- Demokrasi adalah suatu ideologi yang dicetuskan oleh pemikir Perancis Voltaire dan Montesquieu hasil daripada tuntutan kebebasan hak asasi manusia disebabkan penindasan pemerintah.

23. Perlembagaan

- Perlembagaan ialah undang-undang tertinggi sebagai panduan kepada pemerintahan sesebuah negara.

24. Parlimen

- Ialah satu institusi sistem pemerintahan negara.
- Terkenal di negara demokratik yang berasal dari Britain digelar “The Mother of Parlimen”.

25. Parti Politik

- Berasal bahasa Latin *pars* bererti bahagian (*parts*).
- Dalam politik ia bermaksud pihak atau golongan yang membentuk organisasi seperti (Parti Sosialis, Parti Liberal)
- Mempunyai struktur, kepimpinan, jentera parti, pengikut, ideologi dan landasan sosial.
- Dibentuk untuk capai metlamat politik seperti menyertai pilihanraya untuk membentuk kerajaan atau mendapat kuasa.

26. Pilihanraya

- Satu proses masyarakat memilih wakil untuk membuat dasar dan keputusan politik.

27. Pembinaan Bangsa

Pembinaan bangsa (*nation building*) merupakan agenda utama sebuah negara merdeka.

28. Pembinaan Negara

- Pembinaan negara ialah usaha membangunkan sesebuah negara yang melibatkan penubuhan, penubuhan semula dan pengukuhan sektor awam di negara tertentu.
- Kedaulatan adalah yang terpenting untuk membina sesebuah negara.

29. Pembangunan

- Pembangunan ialah usaha sedar manusia merancang perubahan dalam hidup mereka untuk menjayakan perencanaan, pelaksanaan, penerimaan dan pembiayaan (Shamsul Amri, 1990).
- Terbahagi kepada dua iaitu pembangunan dirancang dan yang tidak dirancang.
- Pembangunan diukur melalui
 1. Keluaran Negara Kasar (KNK) dan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).
 2. Physical Quality Index (PQLI)
 3. Human Development Index (HDI)

30. Globalisasi

- Istilah ini popular sejak lebih 60 tahun lalu spt konsep *global village*.
- Globalisasi menjadikan dunia seolah-olah satu kampung yang bersifat sejahtera dari sudut keseragaman politik, ekonomi dan budaya.
- Terjadi akibat teknologi maklumat dan perniagaan antarabangsa.
- Memberi kesan positif dan negatif.